

**PANDUAN PELAKSANAAN  
PROGRAM PENYELIDIKAN (PENILAIAN TESIS)  
(P4-4.2016)**

## 1.0 PENILAIAN TESIS

1.1 Panduan ini diwujudkan bertujuan menjelaskan proses penilaian tesis.

## 2.0 KANDUNGAN LAPORAN PANEL PEMERIKSA

2.1 Panel pemeriksa perlu melengkapkan Borang Laporan Pemeriksa Tesis dan mengembalikannya kepada Pusat Pengajian Siswazah selewat-lewatnya pada hari pelaksanaan viva.

### 2.2 Bahagian I (Laporan Umum)

- i. Panel pemeriksa dikehendaki memberi pandangan secara profesional tentang tesis dan berpuas hati bahawa sama ada tesis pelajar telah mencapai atau tidak mencapai tahap penganugerahan (Ijazah Sarjana atau Doktor Falsafah) yang hendak dianugerahkan. Sehubungan itu, panel pemeriksa dikehendaki menyatakan dengan jelas tentang kelemahan dan kekuatan tesis.
- ii. Sekiranya ada kelemahan – nyatakan muka surat dan/atau bahagian dan/atau bab dan/atau sub-tajuk/judul yang membuktikan kelemahan berkenaan. Panel pemeriksa hendaklah menarik perhatian pelajar, Pengerusi dan/atau Pembantu Pengerusi viva kepada bahagian-bahagian tertentu yang mungkin memerlukan penerangan atau penjelasan lanjut semasa viva.
- iii. Panel pemeriksa perlu menyatakan kekuatan yang terdapat dalam tesis dengan mencatatkan muka surat dan/atau bahagian dan/atau bab dan/atau sub-tajuk/judul tesis berkenaan yang boleh menunjukkan bahawa pelajar telah berjaya menghasilkan satu tesis melalui penyelidikan sendiri dan memberikan sumbangan kepada pengembangan ilmu.
- iv. Panel pemeriksa diberikan tempoh selama satu (1) bulan untuk memeriksa tesis pelajar. Sebarang perlanjutan tempoh hendaklah dipohon dan perlulah mendapat kelulusan dari Pusat Pengajian Siswazah.

### 2.3 Bahagian II (Laporan Pembedulan Dan Pindaan)

- i. Laporan pembedulan dan pindaan hendaklah mengandungi petunjuk kepada mana-mana kesilapan yang dibuat oleh pelajar. Pembedulan yang dimaksudkan termasuk konsep, terbitan, penaipan, format yang memerlukan sama ada pelajar membuat kerja tambahan atau tidak dan sebagainya.
- ii. Laporan ini hendaklah mengandungi panduan pembedulan yang jelas dan boleh diambil tindakan oleh pelajar dan penyelia. Segala cadangan pembedulan hendaklah lengkap dengan petunjuk dalam tesis (seperti muka surat, baris dan sebagainya). Tesis yang lengkap dengan catatan kesilapan atau pembedulan oleh panel pemeriksa juga merupakan sebahagian daripada laporan pembedulan.

- iii. Panel pemeriksa diberikan tempoh selama dua (2) minggu untuk menyemak pembedulan tesis pelajar dan memperakukan keputusan pelajar. Sebarang perlanjutan tempoh hendaklah dipohon dan perlulah mendapat kelulusan dari Pusat Pengajian Siswazah.

2.4 Pusat Pengajian Siswazah dengan persetujuan Panel pemeriksa akan menetapkan tarikh viva mengikut kesesuaian dan keperluan.

### 3.0 VIVA

3.1 Viva untuk program Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara Penyelidikan akan dibuat di dalam UTHM dan dihadiri oleh Panel pemeriksa, Pengerusi dan Pembantu Pengerusi viva (Sekiranya perlu). Di dalam kes tertentu, viva boleh diadakan di luar UTHM, tetapi hendaklah dijalankan dalam suasana akademik.

3.2 Panel pemeriksa hendaklah berusaha membuat pelajar agar tidak gementar dan dapat membicarakan tentang tesis bagi mencungkil kekuatan dan kelemahannya.

3.3 Penyelia dibenarkan menghadiri sesi viva, tanpa sebarang intervensi dalam proses tersebut.

3.4 Pelajar yang menghadapi viva dibenarkan untuk mempertahankan tesisnya tidak melebihi dua (2) kali. Kegagalan kali kedua mempertahankan tesisnya akan menyebabkan pelajar dikira sebagai gagal dan diberhentikan. Keputusan adalah muktamad.

3.5 Panel pemeriksa hendaklah menyediakan laporan bersama yang dipersetujui oleh kedua-dua pemeriksa. Sebarang perbezaan pendapat hendaklah diselesaikan menerusi perantaraan Pengerusi viva dan diputuskan oleh beliau.

3.6 Laporan bersama yang dibuat oleh Panel pemeriksa hendaklah mempunyai kesimpulan dan perakuan mengikut salah satu daripada cadangan berikut:

#### a. Tanpa Pembedulan

- i. Tesis yang dihantar itu diluluskan untuk dianugerahkan ijazah yang berkaitan.

#### b. Dengan Pembedulan

- i. Tempoh maksimum pembedulan dan pindaan tesis ialah 150 hari bagi peringkat Ijazah Sarjana dan 240 hari bagi peringkat Ijazah Doktor Falsafah.
- ii. Tesis yang dihantar itu diluluskan untuk dianugerahkan ijazah yang berkaitan bergantung kepada jumlah perubahan atau pembedulan (sama ada sedikit atau banyak) yang dinyatakan oleh Panel pemeriksa. Pembedulan yang akan dibuat oleh pelajar hendaklah jelas ditanda dan dinyatakan sepenuhnya oleh Panel pemeriksa. Panel pemeriksa hendaklah memastikan pembedulan dibuat untuk semua salinan tesis. Jika terdapat kesalahan dalam tesis yang tidak begitu serius dan tidak memerlukan tesis berkenaan dihantar semula, tetapi ianya perlu diperbetulkan, Panel pemeriksa dikehendaki menyenaraikan kesalahan tersebut dan menyertakannya bersama-sama dengan laporan mereka.

Panel pemeriksa boleh memberi cadangan agar Ijazah dianugerahkan tanpa dilanjutkan tempohnya, asalkan tesis berkenaan diperbetulkan sebelum dihantar semula kepada UTHM.

**c. Kemuka Semula Tesis**

- i. Tempoh maksimum yang diberikan kepada pelajar untuk kemuka semula tesis ialah 210 hari bagi peringkat Ijazah Sarjana dan 300 hari bagi peringkat Ijazah Doktor Falsafah.
- ii. Ijazah tidak boleh dianugerahkan tetapi pelajar dibenarkan untuk menghantar semula tesis dengan pindaan bagi memohon ijazah yang sama dalam jangkamasa yang ditetapkan. Penghantaran semula tesis seharusnya dibenarkan jika tesis berkenaan tidak melibatkan jumlah penyelidikan selanjutnya sebanyak seperti membuat tesis yang baharu. Dalam hal ini, kesalahan ditemui hanya dalam kaedah kerja dan tidak mengubah tujuan asal tesis. Pelajar hanya dibenarkan menghantar semula tesis **sekali** sahaja.

**d. Penganugerahan Ijazah Lebih Rendah**

- i. Tempoh maksimum diberikan ialah 150 hari bagi tempoh membuat pembetulan dan pindaan terhadap tesis bagi pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah.
- ii. Penyelidikan yang dibuat tidak diluluskan untuk ijazah yang dipohon, walau bagaimanapun, pelajar dibenarkan untuk menghantar tesis yang telah dipinda untuk penganugerahan ijazah yang berstatus lebih rendah (sekiranya ada) dalam tempoh yang ditetapkan.
- iii. Jika penghantaran semula tesis dicadangkan, Panel pemeriksa dikehendaki membuat catatan tentang butiran berkenaan yang perlu diberi perhatian apabila meminda tesis. Catatan ini hendaklah diberikan kepada Pusat Pengajian Siswazah dalam format yang sesuai dan seterusnya akan diberikan pula kepada pelajar melalui penyelia. Pelajar akan diberi peluang untuk menghantar semula tesisnya, jika ia mengandungi hasil kerja yang mencukupi kepada program tetapi kurang baik persembahannya.

**e. Tesis Gagal**

- i. Pelajar tidak dianugerahkan Ijazah Sarjana atau Ijazah Doktor Falsafah.
- 3.7 Tarikh lulus pelajar diambil kira berdasarkan kepada tarikh keputusan tersebut diperakukan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti (JKPSF).
  - 3.8 Jawatankuasa Pengajian Siswazah (JKPS) akan memajukan keputusan tersebut untuk kelulusan Senat.
  - 3.9 Tesis perlu berjilid kekal berkulit keras untuk kelulusan Senat.